



MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS, JOHOR.

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia untuk mengisi jawatan berikut di Majlis Daerah Labis:

- | | | |
|--------------------------|---|-----------------------------------|
| 1. SKIM PERKHIDMATAN | : | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) |
| GRED | : | W19 |
| TARAF JAWATAN | : | KONTRAK/TETAP |
| KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | : | KEWANGAN |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | PELAKSANA |

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40)

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40)

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80)

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (c) di atas; atau
- (ii) Lulus peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur perlantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 @ 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Labis sahaja dengan harga RM1.00 satu set.

2. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS, JOHOR**

3. Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:
 - (i) Kad pengenalan diri;
 - (ii) Sijil kelahiran;
 - (iii) Sijil-sijil persekolahan;
 - (iv) Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
 - (v) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima);
 - (vi) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran 'passport';
 - (vii) Dokumen-dokumen sekongan yang lain (jika ada)

PERINGATAN:

SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN DARI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL ATAU PENGHULU-PENGHULU MUKIM BERKENAAN.

4. **PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- a) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
- b) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- c) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan DITOLAK serta merta.
- d) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga; dan

- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap TIDAK BERJAYA.
- f) Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 18 JANUARI 2018

(HAJI ABDUL RAHMAN BIN SALLEH)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Labis